

02 OCT 1996

Mahathir-Sarji

KEJAYAAN KERAJAAN HASIL USAHA AHMAD SARJI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini merakamkan penghargaan tertinggi kepada bekas Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dengan mengaitkan kejayaan kerajaan melaksanakan program sosial, ekonomi dan agama kepada kegigihan dan komitmen serta pendekatan yang dibawanya.

Perdana Menteri juga menyifatkan Ahmad Sarji sebagai "orang perantara" antara kerajaan dan perkhidmatan awam dan dengan perwatakannya yang lembut tetapi serius dan tegas, beliau berjaya membawa perkhidmatan awam ke tahap yang berkualiti tinggi, bersih, cemerlang dan dikagumi oleh perkhidmatan awam dunia ketiga.

"Ahmad Sarji juga mampu memberi motivasi dan pimpinan yang dinamik untuk membawa perubahan yang sesuai dengan perubahan-perubahan yang sedang negara lalui sebagai negara yang pesat membangun, yang perlu mengguna kaedah baru yang datang bersama dengan zaman maklumat," katanya pada majlis makan malam perpisahan bagi Ahmad Sarji.

Ahmad Sarji, 58 menamatkan perkhidmatannya mulai 16 Sept lepas setelah lebih enam tahun menjawat jawatan itu. Beliau digantikan oleh Datuk Abdul Halim Ali, bekas Ketua Setiausaha Kementerian Luar.

"Kesungguhan Ahmad Sarji sebagai Ketua Setiausaha Negara yang cekap dan sistematik jelas diperlihatkan dengan usaha-usaha beliau untuk menyusun dan mendokumentasi proses-proses kerja dan mewujudkan standard atau kualiti dengan harapan kita akan mencapai ISO 9000 bagi pentabiran kita," katanya.

Dr Mahathir berkata semasa Ahmad Sarji menjawat jawatan KSN, tiga konsep -- konsep atau idea, kecekapan untuk melaksanakan idea dan perhubungan ataupun rangkaian yang membolehkan kerajaan mempunyai rakan yang dapat menyokong usahanya

-- diterimapakai dan menjadi asas atau landasan utama dalam menggerakkan perkhidmatan awam.

Pegawai-pegawai tertinggi digalakkan berkursus, menulis dan merekod pengalaman mereka, katanya.

Dr Mahathir berkata Ahmad Sarji, yang secara gurauan digelar "bapa circular" (pekeliling), memahami kehendak kerajaan dan beliau diberi amanat dan kepercayaan dalam melaksanakan keputusan-keputusan yang dibuat oleh kerajaan.

Kebolehan Ahmad Sarji boleh juga dinilai daripada skop penulisan dan bilangan buku, artikel yang telah dikeluarkan oleh kerajaan, badan-badan yang terletak di bawahnya dan dengan tulisannya sendiri sepanjang perkhidmatan beliau.

Dr Mahathir berkata beliau dan kerajaan merakamkan penghargaan yang tidak terhingga dan terima kasih kepada Ahmad Sarji kerana jasa dan sumbangan beliau yang cemerlang kepada perkhidmatan awam dan negara.

Beliau juga yakin walaupun sudah bersara, Ahmad Sarji akan terus melibatkan diri dalam beberapa bidang penting seperti sektor swasta kerana beliau adalah seorang bekas pegawai tertinggi kerajaan yang berjaya menjalin hubungan rapat di antara sektor awam dan swasta mengikut konsep Persyarikatan Malaysia.

Kepada Abdul Halim pula, Dr Mahathir berharap beliau mampu meneruskan tugas untuk membawa perkhidmatan awam ke tahap lebih cemerlang. --BERNAMA

ARA MAI